

Sebelas (11) langkah penjimatan sektor awam

Memaklumkan bahawa pada 30 Disember 2013 yang lalu YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan 11 langkah penjimatan sector awam yang berkuatkuasa bermula 1 Januari 2014. Usaha Kerajaan ini dilihat sebagai satu usaha kearah perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014.

11 langkah penjimatan inia dalah termasuklah :-

- (i) Langkah Pertama: Elaun keraian menteri, timbalan menteri dan pegawai kanan kerajaan JUSA C keatas akan dikurangkan 5 hingga 10 peratus;
- (ii) Langkah Kedua: Kemudahan bayaran tol bagi pegawai kanan JUSA C keatas dikurangkan RM50 hingga RM100 atau 30 peratus iaitu;
 - ✓ RM50 bagi Gred JUSA/Khas C hingga A; dan
 - ✓ RM100 bagi Turus III dan keatas.
- (iii) Langkah Ketiga: Pindaan terhadap kelayakan tiket penerbangan bagi penjawat awam seperti berikut;

Penerbangan domestik:	Penerbangan antarabangsa:
<i>GredKelas</i>	<i>GredKelas</i>
JUSA/Khas B dan keatas Perniagaan JUSA/Khas C dan kebawah Ekonomi	JUSA/Khas A dan keatas Satu JUSA/Khas B dan C Perniagaan Gred 54 dan kebawah Ekonomi

- (iv) Langkah Keempat: Pengurangan 5 peratus kos utiliti elektrik dikesemua premis kerajaan. Bagi tujuan ini Perbendaharaan akan menyekat 5 peratus daripada peruntukan utiliti di bawah perbelanjaan mengurus 2014
- (v) Langkah Kelima: Permohonan baru bagi ubahsuai ruang pejabat semua premis kerajaan dibekukan. Dalam hal ini Semua cadangan untuk menyewa pejabat baharu/tambahan sewaan ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan;
- (vi) Langkah Keenam: Optimumkan penggunaan ruang pejabat untuk kurangkan sewaan premis pejabat. Dalam hal ini Semua cadangan untuk menyewa pejabat baharu/tambahan sewaan ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan.
- (vii) Langkah Ketujuh: Mengetatkan pelantikan jururunding untuk projek-projek fizikal kerajaan. Dengan kata lain Pelantikan perunding (*consultant*) untuk projek-projek fizikal Kerajaan termasuk menjalankan kajian kemungkinan/kesesuaian (*feasibility study*) dan juga perunding-perunding pengurusan yang lain (*management consultant*) hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) untuk kelulusan.
- (viii) Langkah Kelapan: Kurangkan penggunaan syarikat pengurusan acara serta pemberian saguhati atau cenderamata semasa penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ *retreat*/ majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya

- (ix) Langkah Kesembilan: Kurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa acara rasmi kerajaan seperti penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya
- (x) Langkah Kesepuluh: Kurangkan penggunaan kain pemidang (bunting dan banner) bagi acara rasmi kerajaan juga dalam penganjuran semasa acara rasmi kerajaan seperti persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya.
- (xi) Langkah Kesebelas: Optimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) yang telah ditubuhkan menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan termasuk intitusi latihan milik kerajaan bagi penganjuran latihan/seminar/ mesyuarat/ kursus dan bengkel/